

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 DISEMBER 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	ASM digesa memanfaatkan peruntukan laksana kajian	Utusan Malaysia
2	Kajian untuk manfaat rakyat	Harian Metro
3	ASM diminta manfaat dana RM1.3b	Berita Harian
4	Album Hari Ini ((Anugerah Felo Kehormat ASM)	Utusan Malaysia
5	34 scientists get top award	The Sun
6	Malaysia sasar antara 10 negara terbaik dalam indeks daya saing global	Bernamea.com
7	Najib lawat Korea Selatan pertingkat hubungan bilateral	Bernamea.com
8	Serangan siber ancaman serius	Utusan Malaysia
9	Peningkatan mendadak kes ancaman siber membimbangkan	Kosmo
10	Album Hari Ini (Peserta Luar Negara)	Utusan Malaysia
10	Ancaman siber meningkat mendadak sembilan bulan pertama tahun ini	Bernamea.com
11	Exploring rare earth potential	New Straits Times
12	Tujuh negeri dikenal pasti miliki nadir bumi	Berita Harian
13	Tujuh negeri dikenal pasti miliki nadir bumi: ASM	Bernamea.com
14	Hagupit jejas nelayan, perkapalan	Berita Harian
15	Amaran angin kencang, laut bergelora	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 9 DISEMBER 2014 (SELASA)

ASM digesa memanfaatkan peruntukan laksana kajian

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa Akademi Sains Malaysia (ASM) memanfaatkan peruntukan sebanyak RM1.3 bilion kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada Bajet 2015 untuk menjalankan kajian akademi tersebut.

Perdana Menteri berkata, antaranya seperti Kajian Kerangka Sains Mega 3.0 yang melihat secara khusus terhadap model mampan dan tersusun dalam mentransformasikan landskap sains, teknologi serta inovasi di negara ini menjelang 2050.

"Saya difahamkan Kajian Kerangka Sains Mega 3.0 itu meliputi lima sektor tambahan melibatkan perabot, automatif, kreatif, pelancongan dan industri komposit serta plastik yang merupakan sektor penting kepada Malaysia," katanya ketika berucap dalam majlis Penganugerahan Felo 2014 dan Pengumuman Saintis Penyelidikan Terbaik Ma-

laysia (TRSM) di sini malam ini.

Yang hadir sama, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan Presiden ASM, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali.

Pada majlis itu, Najib dianugerahkan Felo Kehormat ASM 2014 bagi mengiktiraf sumbangan besar beliau dalam bidang sains dan teknologi.

Pada tahun ini, dua Felo Kanan dan 21 Felo dikenal pasti untuk diiktiraf atas sumbangan dan kepimpinan dalam bidang masing-masing yang meletakkan Malaysia di barisan depan dalam komuniti saintifik antarabangsa.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberitahu, peruntukan dalam Bajet 2015 yang disediakan kepada MOSTI adalah bagi melaksanakan beberapa program, antaranya menyasarkan 360 produk inovasi berimpak tinggi dikomersialkan dalam tempoh lima tahun akan datang.

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 9 DISEMBER 2014 (SELASA)**

Kajian untuk manfaat rakyat

Kuala Lumpur: Akademi Sains Malaysia (ASM) digesa memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam Bajet 2015 untuk melakukan kajian yang memberi manfaat kepada rakyat.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, antaranya ialah Kajian Rangka Kerja Sains Mega yang memberi tumpuan kepada model yang mampan bagi mengubah landskap sains, teknologi dan inovasi

(STI) dalam tempoh 2010 hingga 2050.

“Saya difahamkan Sains Mega 3.0 merangkumi lima sektor tambahan membitkan industri plastik dan komposit, pelancongan, kreatif, automotif dan perabot.

“Semua ini sektor yang penting di Malaysia yang perlu dipupuk dan dibangunkan supaya dapat memberi manfaat maksimum,” katanya ketika berucap di Majlis Penghargaan Felo dan pengumuman Saintis Penye-

lidikan Terbaik 2014, di sini, semalam.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin dan Presiden Akademi Sains Malaysia Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Sempena majlis itu, Perdana Menteri dianugerahkan Felo Kehormat ASM 2014 sebagai penghargaan atas sokongan padu serta sumbangan besar diberikan terhadap bidang sains dan teknologi.

ASM diminta manfaat dana RM1.3b

Kuala Lumpur: Kerajaan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi meminta Akademi Sains Malaysia (ASM) mengoptimalkan penggunaan RM1.3 bilion bagi penghasilan 360 produk inovatif berimpak tinggi yang boleh dikomersialkan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata sebanyak

RM290 juta daripada peruntukan yang diumumkan pada pembentangan Bajet 2015 lalu juga perlu digunakan untuk program pembangunan dan penyelidikan.

“Peruntukan berkenaan juga bagi menjenamakan semula SIRIM. Bagi tujuan itu, beberapa teknologi menaik taraf perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan dilaksanakan.

“Saya meminta akademi (ASM) menggunakan sepenuhnya peruntukan ini dalam projek mega yang penting untuk negara merangkumi bidang perabot, automotif, kreatif, pelancongan serta industri plastik dan komposit,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penganugerahan Ahli Sains Penyelidik Tertinggi Malaysia

2014 di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin dan Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Pada majlis sama, Najib turut dianugerahkan Felo Kehormat ASM 2014 atas sokongan besar beliau terhadap bidang sains dan teknologi negara.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 9 DISEMBER 2014 (SELASA)



KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 02
TARIKH : 9 DISEMBER 2014 (SELASA)



Najib and his wife Datin Seri Rosmah Mansor pose with recipients of the Top Research Scientists Malaysia award in Kuala Lumpur yesterday.

34 scientists get top award

> For pushing the boundary of research

BY HAIKAL JALIL
AND ARLYN AVELINE
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Najib Abdul Razak yesterday conferred the 2014 Top Research Scientists Malaysia (TRSM) award on 34 research scientists.

They were given the recognition for pushing the boundaries of research and development to generate new knowledge, make discoveries, create value-added opportunities and translate their research into meaningful outcomes that significantly contribute to the socio-economic transformation of

the nation.

They are Prof Dr Abdul Aziz Abdul Raman of Universiti Malaya; Prof Dr Abdul Halim Mohamed Yatim (UTM); Prof Dr Abdul Kariem Mohd Arof (UM); Prof Dstak Dr Abdul Khalil Shawkataly (USM); Assoc. Prof Dr Abdul Manaf Hashim (UTM); Prof Dr Abdul Rahman Omar (UPM); Prof Dr Adeeba Kamaruzaman (UM); Prof Dr Ahmad Zuhairi Abdullah (USM); Assoc. Prof Dr Che Mohd Ruzaidi Ghazali (UniMAP); Prof Dr Goi Bok Min (Utar); Prof Dr Hazizan Md Akil (USM) and Prof Dr Ishwar Sing Parhar (Monash University Malaysia).

Other recipients are Prof Dr Jamunarani S Vadivelu (UM); Prof Dr Jinap Selamat (UPM); Brig-Gen Datuk Prof Dr Kamarudin Ibrahim (UniMAP); Prof Dr Khalijah Awang (UM); Prof Dr Kwai-Lin Thong (UM); Prof Dr Mariatti Jaafar @ Mustapha (USM); Prof Dr Masjuki Hassan (UM); Prof Dr Mohammad Nazri Mohd Ja'afar (UTM); and Prof Dr

Mohd Zainal Abidin Ab Kadir (UPM).

Also receiving the award are Prof Dr Nasrudin Abd Rahim (UM); Prof Dr NoorSaadah A Rahman (UM); Prof Dr Ramesh T Subramaniam (UM); Prof Dr Rosnah Mohd Zain (UM); Prof Dr S Vikineswary Sabaratnam (UM); Prof Dr Shamala Devi Sekaran (UM); Prof Dr Sharifah Bee O A Abd Hamid (UM); Prof Dr Sim Kok Swee; Prof Dr Syed Alwee Aljumid Syed Junid (UniMAP); Dr Tee Soo Hwang (CariF); Prof Dr Uda Hashim (UniMAP) and Prof Dr Wan Ahmad Tajuddin Wan Abdullah (UM).

Meanwhile, Najib said Malaysia needs to aim to be one of the top 10 countries in the global competitiveness index and global innovation index.

He said this can be achieved following the implementation of the Science-to-Action and the National Policy on Science, Technology and Innovation 2013-2020 initiative.

He was speaking at the Conferment of Fellowship of the Academy of Sciences Malaysia and Top Research Scientists Malaysia 2014 announcement, last night.



Malaysia Sasar Antara 10 Negara Terbaik Dalam Indeks Daya Saing Global - Najib

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mahu Malaysia menjadi antara 10 negara terbaik masing-masing dalam Indeks Daya Saing Global dan Indeks Inovasi Global menjelang 2020.

Beliau berkata hasrat kerajaan itu mampu dicapai menerusi pelaksanaan Inisiatif 'Science to Action' (S2A) atau 'Sains Untuk Tindakan' dan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2013-2020.

"Dasar ini diselia oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi," katanya dalam ucapan pada majlis mengumumkan Penganugerah Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) 2014 dan Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia 2014 di sini, Isnin malam.

Turut hadir isteri perdana, Datin Seri Rosmah Mansor, [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin dan Presiden ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.](#)

Pada majlis itu, Najib diberi pengiktirafan sebagai Felo Kehormat ASM 2014 atas sokongan padu beliau ke arah memajukan sains dan teknologi serta menjadi ia sebagai pusat kepada Program Transformasi Ekonomi.

Sejumlah 34 saintis diumumkan sebagai Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia 2014 serta 21 felo baharu dan dua felo kanan.

Najib berkata inisiatif S2A, yang dilancarkan pada November tahun lepas, bertujuan menggiatkan aplikasi sains dan teknologi untuk pembangunan industri, kesejahteraan rakyat dan tadbir urus sains, teknologi dan industri.

Oleh itu, kerajaan akan terus membantu penyelidik sains tempatan di institut penyelidikan kerajaan dan universiti awam dalam merealisasikan sasaran yang ditetapkan, katanya.

"Hari ini, dunia dan Malaysia menerima kesan daripada kemunculan semua dan penyakit berjangkit yang baharu seperti Ebola dan denggi, pemanasan global, tanah runtuh dan banyak lagi.

"Dengan semua bencana ini, saya menyeru masyarakat saintis menerusi Akademi Sains Malaysia untuk menerajui kajian mengenai isu-isu dan melakukan analisis dan mencipta fakta saintifik dalam mencari penyelesaian berkekalan dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Najib juga meminta masyarakat saintis menerajui kajian mengenai isu-isu seperti air, makanan dan jerebu memberi input kepada kerajaan mengenai strategi dan langkah-langkah yang diperlukan untuk mengurangkan risiko.

Perdana Menteri juga berharap ASM akan meneruskan pencapaian cemerlang dalam menyampaikan objektifnya dan bekerja rapat dengan kerajaan ke arah membina negara yang lebih baik dan masa depan yang lebih cerah untuk semua rakyat Malaysia.

Di bawah penganugerahan Felo, Felo Kanan yang dilantik layak digelar sebagai ahli akademik manakala Felo pula berhak menggunakan gelaran Felo ASM (FASc).

Individu-individu yang dipilih melalui proses pemilihan ketat berdasarkan hasil kerja yang cemerlang, komitmen, kesungguhan dan daya kreativiti mereka dalam sains, teknologi dan industri.

-- BERNAMA



Najib Lawat Korea Selatan Perteingkatkan Hubungan Bilateral



Datuk Rohana Ramli

Daripada Ahmad Fuad Yahya

SEOUL, 8 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dijadual tiba di sini pada Selasa untuk lawatan rasmi tiga hari ke Korea Selatan bagi mengukuhkan lagi hubungan bilateral, khususnya di bidang perdagangan dan pelaburan.

Perdana Menteri akan diiringi Datin Seri Rosmah Mansor semasa lawatan itu atas undangan Presiden Park Geun-Hye.

Delegasi Najib termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed; [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#); Timbalan Menteri Luar Datuk Hamzah Zainuddin dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Wisma Putra dalam satu kenyataan dikeluarkan di sini pada Isnin berkata lawatan itu dijangka turut memperkukuh lagi hubungan peribadi antara kedua-dua pemimpin berkenaan.

"Ia memberi peluang kepada kedua-dua pihak meninjau dan memajukan bidang baru kerjasama bertujuan memperluaskan lagi hubungan yang sedia bersifat komprehensif dalam semua sektor.

"Dalam skop Gelombang kedua Dasar Pandang ke Timur 2.0, fokus ekonomi yang lebih mantap akan dilakukan bagi mempertingkatkan potensi perdagangan dan pelaburan dalam bidang-bidang keutamaan kedua-dua negara didorong oleh kolaborasi lebih rapat sektor swasta kedua-dua pihak," kata Wisma Putra.

Najib akan mengadakan mesyuarat delegasi bilateral dengan Park Geun-Hye bagi menentukan hala tuju hubungan bilateral masa depan dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu kepentingan bersama serantau dan antarabangsa.

Park akan mengadakan jamuan rasmi tengah hari meraikan Najib dan Rosmah serta delegasi Malaysia.

Perdana Menteri akan juga bertukar-tukar pendapat dengan rakan sejawatannya itu tentang usaha memupuk keamanan dan kestabilan dalam konteks Gerakan Moderat Global (GMM) Malaysia serta kerjasama Asean-Korea Selatan, terutama berkaitan jawatan Pengerusi kumpulan serantau itu yang dipegang Malaysia tahun depan.

Najib juga dijadual berucap kepada tokoh-tokoh perniagaan Korea, termasuk dari LG, Samsung dan KIA Motors, pada sesi dialog.

Sesi dialog merupakan sebahagian dari usaha berterusan untuk merangsang interaksi bisnes, menarik lebih banyak pelabur Korea ke Malaysia, di samping menegaskan Malaysia sebagai satu daripada destinasi pelaburan utama.

Korea Selatan adalah rakan perdagangan Malaysia ketujuh paling besar dan pelabur asing kedua terbesar dengan pelaburan diluluskan US\$1.67 bilion pada 2013.

Perdagangan Malaysia dengan negara itu mencatat pertumbuhan positif dengan jumlah perdagangan mencapai US\$18.1 bilion (RM56.9 bilion) pada 2013 berbanding US\$15.9 bilion (RM50.1 bilion) pada 2012.

Setelah menamatkan lawatan rasminya, Najib akan menuju Busan, kira-kira 325km di tenggara Seoul, bagi menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan Asean-Korea Selatan.

Duta Besar Malaysia ke Korea Selatan Datuk Rohana Ramli berkata dalam bidang pelancongan, negara ini merupakan destinasi popular bagi rakyat Malaysia yang biasanya datang melawat pada musim sejuk dan musim luruh.

Kebanyakan rakyat Malaysia tidak melepaskan peluang melawat Pulau Nami, tempat penggambaran siri drama popular Korea, Winter Sonata.

Pada 2013, kira-kira 207,727 rakyat Malaysia melawat Korea Selatan, sementara dalam tujuh bulan pertama tahun ini 153,165 rakyat Malaysia telah melawat negara ini.

Sementara itu, sejumlah 274,622 rakyat Korea Selatan melawat Malaysia pada 2013 dan pada tujuh bulan pertama tahun ini kira-kira 224,345 rakyat Korea melawat Malaysia.

Rakyat Korea biasanya melawat Malaysia pada musim sejuk, dengan tujuan mengelakkan cuaca yang amat sejuk.

Sejumlah 589 pelajar Malaysia menuntut di Korea Selatan pada masa ini.

-- BERNAMA

Serangan siber ancaman serius

Oleh **AMRAN MULUP**
pengarang@utusan.com.my

MELAKA 8 Dis. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memandangkan berat kes serangan siber terhadap sistem komputer yang kini disifatkan sebagai satu ancaman yang boleh menjejaskan dan memberi

impak buruk terhadap sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara ini. Timbalan Menteri-ya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, berdasarkan maklumat CyberSecurity Malaysia, sebanyak 8,140 kes serangan siber dilaporkan berlaku sejak Januari hingga September lalu.

“Serangan siber ke atas sistem rangkaian komputer dan prasarana internet dilihat sebagai satu ancaman yang serius kerana berlaku hampir setiap bulan. Sejak Januari hingga September lalu, sebanyak 8,140 kes dilaporkan kepada CyberSecurity Malaysia.

“Senario ini dilihat amat membimbangkan dan memberi implikasi buruk kepada aspek keselamatan

dan sektor ICT di negara ini jika langkah-langkah perlu tidak diambil.

“Berdasarkan maklumat yang diperolehi sejak 2010 hingga 2014, kes serangan siber ada peningkatan dan pengurangan, namun begitu serangan siber tetap dianggap sebagai satu ancaman yang serius,” katanya.



**ABU BAKAR
MOHAMAD DIAH**

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kongres Dunia Berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (WICT 2014) anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib.

Abu Bakar berkata, daripada sembilan kategori serangan siber yang dilaporkan tahun ini, kes penipuan adalah paling tinggi iaitu 3,326 kes diikuti spam (1,710), cubaan mencero boh (1,244), mencero boh (708), kod berniat jahat (640), gangguan siber (430), kandungan berkaitan (29), kelemahan laporan (25) dan penafian

info

JUMLAH SERANGAN SIBER

- 2010 : 8,090 kes
- 2011 : 15,218 kes
- 2012 : 9,986 kes
- 2013 : 10,636
- 2014 : 8,140 kes
(Januari-September)

perkhidmatan (23).

Menurutnya, banyak peralatan siber tercanggih dibangunkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab iaitu kumpulan-kumpulan jenayah terancang dan menyerang sistem rangkaian komputer semata-mata ingin mencapai objektif masing-masing.

Justeru, beliau berharap persidangan WICT 2014 selama tiga hari itu dapat membincangkan dan merumuskan satu kaedah bagi membolehkan serangan siber dapat ditangani dengan baik.

Peningkatan mendadak kes ancaman siber membimbangkan

MELAKA - Ancaman siber di negara ini menunjukkan peningkatan mendadak setiap bulan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini dengan jumlah keseluruhan sebanyak 8,140 kes.

T i m b a l a n Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (**gambar**) berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 717 kes ancaman siber direkodkan pada Januari, Februari (498), Mac (707), April (773), Mei (645), Jun (777), Julai (943), Ogos (1,258) dan September (1,822).

Beliau berkata, penipuan siber merupakan

salah laku tertinggi daripada sembilan ancaman siber yang direkodkan dalam tempoh tersebut iaitu 3,326 kes, diikuti spam (1,710), cubaan pencerobohan (1,244), pencerobohan (708), kod fitnah (645), gangguan siber (430), berkaitan gangguan (29), laporan yang mudah terdedah (25) dan penipuan perkhidmatan (23).

"Peningkatan kes ini serius dan perlu ditangani secara proaktif dengan kerjasama pelbagai pihak terutama CyberSecurity Malaysia yang bertindak sebagai agensi penguatkuasaan dan pemantauan

kes ancaman siber selain penglibatan pakar teknologi maklumat dan komunikasi serta penyelidikan di negara ini.

"Ia penting bagi melindungi bukan sahaja sistem teknologi maklumat negara malah pengguna daripada menjadi mangsa ancaman keselamatan siber," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kongres Dunia mengenai Teknologi Komunikasi Maklumat (WCIT) 2014 anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di sini semalam.

Turut hadir, Naib Presiden Penyelidikan CyberSecurity Malaysia, Lt. Kol (B) Sazali Sukardi dan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib. - Bernama



**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 9 DISEMBER 2014 (SELASA)**



PESERTA LUAR NEGARA

TIMBALAN Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (kiri) beramah mesra dengan sebahagian peserta luar negara sambil diperhatikan oleh Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Prof. Dr. Shahrin Sahib (dua dari kiri) selepas majlis perasmian Kongres Dunia Berkaitan Teknologi (WICT 2014) di Melaka, semalam. - UTUSAN/AZLI AHAD



Ancaman Siber Meningkat Mendadak Sembilan Bulan Pertama Tahun Ini

MELAKA, 8 Dis (Bernama) -- Ancaman siber di negara ini menunjukkan peningkatan mendadak setiap bulan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini dengan jumlah keseluruhan sebanyak 8,140 kes.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata daripada jumlah itu, sebanyak 717 kes ancaman siber direkodkan pada Januari, Februari (498), Mac (707), April (773), Mei (645), Jun (777), Julai (943), Ogos (1,258) dan September (1,822).

Beliau berkata penipuan merupakan salah laku tertinggi daripada sembilan ancaman siber yang direkodkan dalam tempoh berkenaan iaitu 3,326 kes diikuti spam (1,710), cubaan pencerobohan (1,244), pencerobohan (708), kod fitnah (645), gangguan siber (430), berkaitan gangguan (29), laporan yang mudah terdedah (25) dan penipuan perkhidmatan (23).

"Peningkatan kes ini serius dan perlu ditangani secara proaktif dengan kerjasama pelbagai pihak terutama CyberSecurity Malaysia, yang bertindak sebagai agensi penguatkuasaan dan pemantauan kes ancaman siber, selain penglibatan pakar teknologi maklumat dan komunikasi serta penyelidik di negara ini.

"Ia penting bagi melindungi bukan sahaja sistem teknologi maklumat negara malah pengguna daripada menjadi mangsa ancaman keselamatan siber," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Dunia mengenai Teknologi Komunikasi Maklumat (WCIT) 2014 anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada Isnin.

Turut hadir Naib Presiden Penyelidikan CyberSecurity Malaysia Leftenan Kolonel (B) Sazali Sukardi dan Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Shahrin Sahib.

Dalam perkembangan lain, Abu Bakar berkata Mosti sentiasa menggalakkan penyelidikan atau penghasilan produk berkaitan teknologi komunikasi maklumat (ICT) bagi mempertingkatkan kecekapan sistem ICT di negara ini.

"Mosti mempunyai peruntukan mencukupi untuk bidang ICT dan kami sentiasa mengalu-alukan sekiranya mereka berminat mendapatkan dana bagi menjalankan penyelidikan," katanya.

Beliau berkata sehingga kini, 11 daripada 65 produk yang dikomersial bersempena Tahun Pengkomersialan Mosti 2014 merupakan produk ICT berimpak tinggi dan berpotensi untuk pasaran di peringkat antarabangsa.

Terdahulu, Abu Bakar menyaksikan pertukaran dokumen kerjasama dalam bidang ICT antara UTeM, yang diwakili Shahrin, dan CyberSecurity Malaysia, yang diwakili Sazali.

Exploring rare earth potential

RM40M ALLOCATION:

Seven states identified as having deposits with commercial value

OOI TEE CHING
KUALA LUMPUR

bt@mediaprima.com.my

THE Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti) says the exploration and mining of heavy rare earths in Malaysia will be a potential key economic driver in the mid term.

"We see a timely opportunity to revive the mining industry here. Preliminary geological survey has shown there are rare earth deposits throughout Peninsular Malaysia.

"We want to enable Malaysia to have industrial capacity on rare earths to produce components in hybrid cars, smartphones and solar panels," said its secretary general Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur.

She was speaking to reporters after the launch of the "Blueprint for the Establishment of Rare Earth-based Industries in Malaysia" and "Top Research Scientists Malaysia Roundtable 2014".



Mosti secretary-general **Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur** (left) and Academy of Science Malaysia president **Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali** at a conference after the launch of the 'Blueprint for the Establishment of Rare Earth-based Industries in Malaysia' and 'Top Research Scientists Malaysia Roundtable 2014' yesterday.

Also present was Academy of Science Malaysia (ASM) president Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Rare earth metals are a collection of 17 chemical elements in the periodic table, namely scandium,

yttrium and the fifteen lanthanides. Their unique magnetic, luminescent, and electrochemical properties help make many technologies perform with reduced weight, emissions and energy consumption.

Rare earths allow for greater efficiency, performance, miniaturisation, speed, durability and thermal stability.

As early as in the 1960s, electronics manufacturers discovered that eu-

ropium and yttrium could produce the red colour in television screens.

Today, magnets that combine neodymium with iron and boron, making them exceptionally strong, are found in wind turbines, electric motors and headphones.

Another rare earth variant, lanthanum, is used in Toyota Prius battery packs.

Ahmad Tajuddin said Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu and Pahang had been identified as states with rare earth deposits with commercial value.

"These rare earth-bearing mineral clays are not radioactive and safe to use. A small quantum will make all the difference, in terms of the performance, for high technology products.

"For a start, the government will invest about RM10 million to explore rare earths in Perak's ion absorption clay since the state has been mining tin ore for over 100 years. Once this is completed, the government could provide additional allocation of RM30 million to the Ministry of Natural Resources and Environment to undertake similar studies in other states," said Ahmad Tajuddin.

ASM's initial studies show that by 2020, Malaysia's fledgling rare earths industry will be capable of attracting RML5 billion in foreign direct investments and creating 5,000 jobs a year.

Tujuh negeri dikenal pasti miliki nadir bumi

Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu dan Pahang dikenal pasti sebagai negeri yang mempunyai simpanan nadir bumi dengan nilai komersial.

Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata tujuh negeri berkenaan mempunyai tanah liat mineral (penyerapan ion) yang boleh digunakan untuk membuat produk pengguna dan barangan industri yang canggih.

"Tanah liat mineral berkenaan mempunyai nadir bumi tidak radioaktif dan selamat untuk digunakan dalam kereta hibrid, telefon dan sel bahan api.

Sumber hasil masa depan

"Jika kerajaan mahu membangunkannya sebagai sumber hasil masa depan dalam industri nadir bumi, sejumlah kecil akan menghasilkan perbezaan dari segi prestasi produk," katanya selepas melancarkan rangka tindakan bagi penubuhan industri nadir bumi di Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Sebagai permulaan, beliau berkata, kerajaan akan melabur kira-kira RM10 juta untuk meneroka nadir bumi dalam tanah liat penyerapan ion di Perak memandangkan negeri itu telah terbabit dalam perlombongan bijih timah lebih 100 tahun.

"Apabila selesai di Perak, kerajaan boleh menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menjalankan kajian yang sama di negeri lain," katanya sambil menambah pelabur tempatan dan asing perlu menceburi industri nadir bumi di negara ini.

Cari peluang

Tajuddin berkata, pelan tindakan itu dilancarkan selepas kajian yang dilaksanakan ASM untuk mencari peluang bagi industri nadir bumi di Malaysia.

Penilaian awal yang dijalankan oleh ASM mendapati sumbangan minimum yang dijangka daripada industri nadir bumi kepada ekonomi negara dari segi pelaburan langsung asing, keluaran dalam negara kasar dan pekerjaan, masing-masing pada 2.4 peratus (RM1.5 bilion), satu peratus (RM10.137 bilion) dan 0.04 peratus (5,000 pekerjaan setahun) pada tahun 2020.



Tujuh Negeri Dikenal Pasti Berpotensi Miliki Nadir Bumi: ASM

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu dan Pahang dikenal pasti sebagai negeri yang mempunyai simpanan nadir bumi dengan nilai komersial.

Presiden Akademi Sains Malaysia Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali berkata tujuh negeri berkenaan mempunyai tanah liat mineral (penyerapan ion) yang boleh digunakan untuk membuat produk pengguna dan barangan industri yang canggih.

"Tanah liat mineral berkenaan mempunyai nadir bumi tidak radioaktif dan selamat untuk digunakan dalam kereta hibrid, telefon dan sel bahan api.

"Jika kerajaan mahu membangunkannya sebagai sumber hasil masa depan dalam industri nadir bumi, sejumlah kecil akan menghasilkan perbezaan dari segi prestasi produk," katanya kepada pemberita selepas melancarkan rangka tindakan bagi penubuhan industri nadir bumi di Malaysia di sini Isnin.

"Sebagai permulaan, kerajaan akan melabur kira-kira RM10 juta untuk meneroka nadir bumi dalam tanah liat penyerapan ion di Perak memandangkan negeri itu telah terlibat dalam perlombongan bijih timah lebih 100 tahun.

"Apabila selesai di Perak, kerajaan boleh menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menjalankan kajian yang sama di negeri-negeri lain," kata Ahmad Tajuddin, sambil menambah bahawa pelabur tempatan dan asing perlu menceburi industri nadir bumi di sini.

Beliau berkata pelan tindakan itu dilancarkan selepas kajian yang telah dilaksanakan ASM untuk mencari peluang bagi industri nadir bumi di Malaysia.

Penilaian awal yang dijalankan oleh ASM mendapati sumbangan minimum yang dijangka daripada industri nadir bumi kepada ekonomi negara dari segi pelaburan langsung asing, keluaran dalam negara kasar dan pekerjaan, masing-masing pada 2.4 peratus (RM1.5 bilion), satu peratus (RM10.137 bilion) dan 0.04 peratus (5,000 pekerjaan setahun) pada tahun 2020.

-- BERNAMA

Hagupit jejas nelayan, perkapalan

Kota Kinabalu: Taufan Hagupit di Sabah yang semakin lemah, hanya menjejaskan aktiviti perkapalan dan perikanan, khususnya di pantai barat dan Kudat serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tusin, berkata setakat ini tiada ancaman banjir dijangkakan kesan daripada taufan berkenaan.

Katanya, keadaan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter dan angin kencang yang berkelajuan hingga 60 kilometer sejam.

Bagaimanapun, keadaan itu dijangka berkurangan mulai Jumaat ini berikutan tahap kekuatan taufan yang semakin lemah selepas membadai kepulauan Filipina Jumaat lalu.

"Taufan itu turut membawa hujan tetapi jumlahnya diramal pada tahap yang rendah dan sederhana serta tidak menyebabkan banjir.

"Taufan itu sedang melalui pulau di Filipina dan semakin lemah disebabkan halangan geografi dan secara tidak langsung mengurangkan kesan tempiasnya di negeri ini.

"Setakat ini, kesannya di Sabah hanyalah laut bergelora dan angin kencang yang menjejaskan aktiviti perikanan serta perkapalan, dan tiada ancaman dari segi banjir akibat hujan lebat," katanya.

Bagaimanapun, Abdul Malek berkata, cuaca buruk diramal berlaku di negeri ini jika Taufan Hagupit kembali aktif selepas memasuki Laut China Selatan dalam pergerakan menuju kawasan utara Filipina.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan mematuhi amaran dikeluarkan pihak berkuasa, selain peka dengan perkembangan cuaca.

Sementara itu, tinjauan di sekitar ibu negeri ini mendapati aktiviti pantai termasuk operasi bot ke pulau peranginan di sini tidak terjejas kerana ombak masih pada tahap sederhana.



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Taufan Hagupit yang membawa angin kencang timur laut dikesan kira-kira 914 kilometer ke timur laut Kudat, Sabah dengan pergerakan ke arah barat laut berkelajuan 15 kilometer sejam (kmsj) pada 5 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan Isnin berkata taufan tersebut dikesan pada latitud 13.0 utara dan longitud 122.4 timur.

Justeru itu, amaran angin kencang timur laut dan laut bergelora (kategori pertama) dengan kelajuan 40 hingga 50 kmsj serta ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter diramal berlaku di kawasan perairan Sabah (Sandakan dan Tawau), Sulu dan Sulawesi yang dijangka berterusan sehingga Rabu ini.

Keadaan yang sama turut diramal berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Bintulu, Mukah, Rejang, Kuching, Sarawak; Samui, Tioman serta Reef South dan dijangka berterusan sehingga Jumaat ini.

Angin kencang timur laut dan laut bergelora kategori kedua dengan kelajuan 50 hingga 60 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka berterusan di kawasan perairan Sabah, Labuan, Miri, Sarawak, Condore, Reef North, Layang-layang serta Palawan sehingga Jumaat ini.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA